GARIS PANDUAN

KELULUSAN JENIS KENDERAAN

(PINDAAN) 2017

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Disemak oleh :	Disahkan oleh :	Diluluskan oleh :
(DATO' Ir. HJ. MOHAMAD BIN DALIB) PENGARAH BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF TARIKH : 21/6/ 2017	(DATO' YUSOFF BIN AYOP) TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI) JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA TARIKH : 3/7/2017	(DATO' SRI NADZRI SIRON) KETUA PENGARAH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA TARIKH : 5/7/ 2017

ISI KANDUNGAN

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

1. PENGENALAN

Perkembangan teknologi automotif global menyaksikan pelbagai inovasi terbaru diperkenalkan oleh pengeluar-pengeluar kenderaan dalam usaha untuk menguasai pasaran automotif serantau. Inovasi ini juga bertujuan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan prestasi kenderaan ke aras yang lebih tinggi.

Seiring dengan perkembangan tersebut, badan-badan organisasi antarabangsa bergiat aktif dalam memperkenalkan standard bagi memastikan kualiti produk automotif yang dihasilkan adalah memenuhi piawaian antarabangsa. Standard ini menjadi rujukan bagi negara-negara maju dan juga yang membangun bagi menentukan hala tuju industri automotif negara mereka.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam pembangunan industri automotif. Selaras dengan Dasar Automotif Nasional, pihak kerajaan menganggotai pertubuhan antarabangsa yang dikenali sebagai *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations* (WP29). Ahli kepada pertubuhan ini bertanggungjawab untuk mengadaptasi peraturan *United Nations* (UN) sebagai penanda aras bagi tahap kualiti produk automotif yang dipasarkan.

Di Malaysia, peraturan UN ini diwartakan secara berperingkat ke dalam Kaedah Kaedah Pengangkutan Jalan dan juga kepada Kaedah-Kaedah lain yang berkaitan. Peraturan ini dilaksanakan melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Ibu Pejabat.

Proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) adalah satu proses yang dijalankan kepada semua model baru kenderaan sebelum proses pendaftaran dibenarkan. Proses ini diperkenalkan bagi mengawal identiti, dimensi, berat, ciri-ciri pembinaan dan spesifikasi sesebuah kenderaan agar menepati semua spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

Bagi memastikan proses ini berjalan secara telus dan lancar, jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa *National Committee for Type Approval* (VTA) *and Homologation* telah ditubuhkan bagi menilai setiap permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan yang dibuat bagi memastikan setiap aspek kenderaan tersebut adalah selaras dengan peraturan semasa yang ditetapkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia dan dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan seperti berikut:

1. Kementerian Pengangkutan (MOT)
2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
3. Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
4. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
5. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
6. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
7. Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KASTAM)
8. Jabatan Standard Malaysia (DSM)
9. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)
10. *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS)
11. *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM)
12. Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM)
13. Kementerian Kewangan (MOF)
14. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

2. RUJUKAN UNDANG-UNDANG

(i) Akta Pengangkutan Jalan 1987

a) Seksyen 10
b) Seksyen 12
c) Seksyen 66 (1) (*pp*)

(ii) Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan Dan Penggunaan) 1959
a) Kaedah 9A , 9B

(iii) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan Dan Penggunaan) (Kenderaan Yang Membawa Hasil Petroleum) 1965

(iv) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) 1978

(v) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan, Kelengkapan Dan Penggunaan)(Penggunaan Sistem Bahan Api Gas Petroleum Cair dalam Kenderaan Motor) 1982

(vi) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tentu) 1991.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

3. CARTA ALIR PERMOHONAN



DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

4. PANDUAN PERMOHONAN

4.1 Borang permohonan

(i) Setiap borang permohonan yang dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

1. Senarai semak permohonan – **LAMPIRAN 1** *(softcopy dan hardcopy)*
2. Surat rasmi permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan daripada pemohon – **LAMPIRAN 2** (*softcopy dan hardcopy)*
3. Jadual I (*Schedule I)* – **LAMPIRAN 3 -7** seperti di para (ii) *(softcopy dan hardcopy)*
4. Jadual II (*Schedule II)* – **LAMPIRAN 8** (*softcopy dan hardcopy)*
   Gambar kenderaan (pandangan hadapan, sisi dan belakang kenderaan) – **LAMPIRAN 9** (*softcopy dan hardcopy)*
5. Penjelasan mengenai nombor casis (*Vehicle Identification Number*) dan nombor enjin (gambar terperinci dan lokasi nombor casis dan enjin kenderaan) - **LAMPIRAN 10 (a) dan LAMPIRAN 10 (b)** (*softcopy dan hardcopy)*
6. Sijil-sijil pematuhan dan laporan ujian (*test report*) bagi setiap perkara dalam Jadual I *(Schedule I)* – **LAMPIRAN 11** *(softcopy)*
7. Katalog / *Brochure* / Spesifikasi Teknikal *(Slide Presentation)* – **LAMPIRAN 12** *(hardcopy)*
8. Surat Deklarasi Pemohon – **LAMPIRAN 13** *(hardcopy)*
9. Borang Maklumat Sijil VTA – **LAMPIRAN 14** *(hardcopy)*
10. Lukisan kejuruteraan yang menunjukkan dimensi keseluruhan kenderaan – **LAMPIRAN 15** *(hardcopy)*
11. Salinan AP atau Laporan Kastam bagi kenderaan CBU – **LAMPIRAN 16** *(hardcopy)*
12. Dokumen berkaitan panduan membaiki dan penukaran 9 komponen terkawal – **LAMPIRAN 17** *(softcopy)*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

(ii) Jadual I (*Schedule I*) yang perlu disertakan dalam dokumen permohonan adalah berbeza bergantung kepada jenis kenderaan seperti berikut :

1. Jadual I (*Schedule I*) bagi kategori L (Motosikal) – **LAMPIRAN 3**
2. Jadual I (*Schedule I*) bagi kategori M (Kenderaan Penumpang) – **LAMPIRAN 4**
3. Jadual I (*Schedule I*) bagi kategori G/N/NG (Offroad/Kenderaan Perdagangan) – **LAMPIRAN 5**
4. Jadual I (*Schedule I)* bagi kategori O (Treler/Semi Treler) – **LAMPIRAN 6**
5. Jadual I (*Schedule I)* bagi kategori Kenderaan *Rebuilt* – **LAMPIRAN 7**

(iii) Pemohon (syarikat) perlu mengisytihar pegawai yang layak untuk menandatangani dokumen permohonan sebagai wakil pihak syarikat seperti di **LAMPIRAN 18** ;

(iv) Semua permohonan hendaklah dihantar dalam bentuk *portfolio* sebanyak 2 salinan. Format *portfolio* ditentukan oleh Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) daripada Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ;

(v) Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) yang menerima permohonan bertanggungjawab untuk merekod dan memfailkan dokumen yang diterima serta menyerahkan kad penerimaan permohonan kepada pemohon.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

4.2 Dokumen Yang Wajib Disertakan

(i) *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak untuk menentukan senarai piawaian yang wajib dipatuhi oleh pemohon ;

(ii) Setiap Peraturan UN / MS yang diisytiharkan hendaklah disertakan bersama salinan *(softcopy)* sijil pematuhan daripada *Approval Authority* (AA) dan laporan ujian (*test report*) daripada *Technical Service* (TS) yang diiktiraf oleh WP29 atau pihak berkompeten yang diiktiraf oleh JPJ untuk model baru sahaja. Manakala model sedia ada *(existing model),* memadai dengan laporan ujian (*test report*) sahaja daripada *Technical Service* (TS) yang diiktiraf oleh WP29 atau pihak berkompeten yang diiktiraf oleh JPJ. Walau bagaimanapun, Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak menentukan dokumen pematuhan yang diperlukan bagi kesesuaian keadaan di Malaysia;

(iii) Piawaian dan peraturan yang diterimapakai ialah yang dinyatakan dalam Jadual I *(Schedule I)* sahaja ;

(iv) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak mengarahkan pemohon mengemukakan sebarang dokumen tambahan bagi tujuan kelulusan ;

(v) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak mengarahkan pemohon untuk mendapatkan sebarang laporan pemeriksaan dan/atau sijil pematuhan piawaian tambahan daripada badan-badan kompeten seperti SIRIM dan PUSPAKOM ;

(vi) Maklumat yang terdapat di dalam dokumen yang dikemukakan hendaklah benar dan tidak bercanggah dengan fizikal kenderaan yang dipohon untuk menjalani proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA). Sekiranya didapati

palsu / bercanggah dengan fizikal kenderaan, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak untuk membatalkan permohonan dan mengenakan tindakan kepada pemohon berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

4.3 Verifikasi Dokumen

(i) Dokumen yang dihantar oleh pemohon hendaklah disemak oleh Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) Bahagian Kejuruteraan Automotif yang bertanggungjawab.

(ii) Pengesahan dokumen hendaklah dilakukan oleh Jurutera / Timbalan Pengarah / Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif.

(iii) Dokumen adalah tidak sah sekiranya pengesahan tidak dilakukan.

4.4 Laporan Pemeriksaan Kenderaan / Sijil Pematuhan Piawaian

(i) Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) yang bertanggungjawab berhak menentukan tempat, tarikh dan masa pemeriksaan bagi kenderaan yang menjalani proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) ;

(ii) Pemeriksaan kenderaan hendaklah dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya **DUA** orang Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) daripada Bahagian Kejuruteraan Automotif (KA) JPJ ;

(iii) Bagi tujuan pemeriksaan, maklumat spesifikasi am kenderaan hendaklah di paparkan di cermin hadapan kenderaan dengan menggunakan kertas A4 seperti di **LAMPIRAN 19** ;

(iv) Pemohon perlu memastikan **tangki bahan api diisi penuh** bagi kenderaan yang akan diperiksa bagi tujuan penilaian uji pandu oleh

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) daripada Bahagian KA JPJ. Kenderaan tidak akan diterima sekiranya tangki bahan api tidak diisi penuh ;

(v) Semua pemeriksaan VTA pada dasarnya hanya dilaksanakan di kawasan ibu pejabat JPJ Putrajaya. Walaubagaimanapun, jika pemohon tidak dapat menghantar kenderaan atas kekangan tertentu dan memerlukan pegawai JPJ ke tempat yang ditentukan pemohon samada di dalam atau luar negara, semua perbelanjaaan (kos makan minum, pengangkutan, penginapan) hendaklah ditanggung oleh pemohon dengan kadar yang setara dengan kelayakan pegawai mengikut Pekeliling kerajaan ;

(vi) Pemohon wajib memastikan keadaan kenderaan adalah lengkap dan sempurna sebelum pemeriksaan dijalankan ;

(vii) Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) daripada Bahagian KA JPJ yang terbabit bertanggungjawab untuk menyediakan laporan pemeriksaan mengikut format seperti yang telah ditetapkan oleh Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation.*

4.5 Penerangan Spesifikasi Teknikal Kenderaan

(i) Pihak syarikat bertanggungjawab untuk menjalankan pembentangan atau sesi penerangan kepada pegawai yang terlibat dalam pemeriksaan VTA berkaitan spesifikasi teknikal kenderaan sebelum pemeriksaan fizikal dijalankan.

(ii) Antara intipati yang harus dititikberatkan di dalam pembentangan ini adalah termasuk spesifikasi enjin kenderaan, ciri-ciri keselamatan istimewa kenderaan dan langkah-langkah keselamatan bagi tujuan pemeriksaan kenderaan.

4.6 Pemeriksaan Kenderaan

(i) Pemeriksaan kenderaan yang dijalankan terbahagi kepada dua bahagian iaitu pemeriksaan fizikal dan uji pandu kenderaan ;

(ii) Pemohon hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang proses pemeriksaan dan tidak berhak untuk menghalang sebarang jenis pemeriksaan kenderaan yang akan dilakukan ;

(iii) Permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) akan digagalkan sekiranya Pegawai tidak dapat menjalankan mana-mana pemeriksaan kenderaan yang dianggap perlu bagi proses pembentangan laporan permohonan tersebut ;

(iv) Pegawai bertanggungjawab merekodkan pemeriksaan fizikal yang dijalankan ke atas kenderaan tersebut ke dalam senarai semak yang telah disediakan ;

(v) Semua sistem dan komponen kenderaan akan dinilai dari segi fungsi dan prestasi semasa sesi uji pandu kenderaan dijalankan oleh Pegawai terbabit ;

(vi) Pegawai bertanggungjawab memaklumkan hasil pemeriksaan kenderaan kepada pemohon selepas selesai sesi pemeriksaan dijalankan ;

(vii) Pemohon perlu segera memperbaiki kelemahan yang terdapat pada kenderaan jika ada maklumbalas berkaitan daripada Pegawai yang melakukan pemeriksaan tersebut dan menghantar kenderaan yang telah diperbaiki untuk dinilai semula;

(viii) Setiap permohonan pemeriksaan kenderaan, perlu disertakan plat perdagangan (*trade plate)* bagi semua jenis kenderaan tidak terkecuali kenderaan Kategori L.

4.7 Pembentangan Laporan Permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)

(i) PPJ wajib mengemukakan semua laporan pemeriksaan kepada Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* selewat-lewatnya **3 hari** masa bekerja sebelum mesyuarat jawatankuasa akan diadakan ;

(ii) PPJ bertanggungjawab memaklumkan alasan kegagalan untuk mengemukakan laporan pemeriksaan kepada pemohon dan setiausaha (sekiranya berkaitan) ;

(iii) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak menangguhkan permohonan sekiranya laporan pemeriksaan tidak diterima dalam masa yang telah ditetapkan ;

(iv) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak menentukan sebarang format bagi tujuan pembentangan laporan pemeriksaan kenderaan dan rumusan permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA).

4.8 Mesyuarat *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation*

(i) Bagi tujuan mesyuarat, kehadiran 2/3 daripada jumlah ahli adalah diwajibkan. Kehadiran Setiausaha adalah diwajibkan bagi setiap mesyuarat ;

(ii) Bagi tujuan kelulusan sesuatu permohonan, sokongan 2/3 daripada jumlah ahli tetap adalah diwajibkan ;

(iii) Jawatankuasa berhak untuk mengubah, memperbaharui atau memperkenalkan sebarang keperluan bagi tujuan kelulusan permohonan.

4.9 Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)

(i) Format sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) akan ditentukan oleh *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation ;*

(ii) Setiap pendaftaran baru model kenderaan hendaklah mengemukakan satu salinan sijil VTA bersama-sama surat kebenaran penggunaan sijil VTA daripada pemohon asal ;

(iii) Sijil VTA akan dikeluarkan dalam tempoh 20 hari dari tarikh penyerahan dokumen permohonan, sekiranya ada kelewatan, Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *and Homologation* akan memaklumkan kepada pemohon secara bertulis atau secara email.

4.10 Jangkamasa Permohonan

(i) Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh sekurang-kurangnya 20 hari masa bekerja sebelum Mesyuarat *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* diadakan ;

(ii) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak menangguhkan permohonan kepada mesyuarat seterusnya sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD
KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
P(KA)

4.11 Keaslian Maklumat Dan Dokumen-dokumen Yang Disertakan

(i) Pemohon wajib memastikan semua dokumen yang dikemukakan adalah benar dan sanggup untuk menerima sebarang tindakan daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sekiranya didapati palsu ;

(ii) Pemohon wajib memastikan semua maklumat yang dikemukakan ketika permohonan adalah sama / tidak bercanggah dengan maklumat pada fizikal kenderaan.

4.12 Kerosakan Terhadap Kenderaan Ketika Pemeriksaan

(i) Sekiranya kerosakan terhadap kenderaan berlaku ketika pemeriksaan kenderaan dijalankan atas alasan-alasan ketidaksempurnaan kenderaan atau kerosakan teknikal kenderaan, kos pembaikan adalah menjadi tanggungjawab pemohon sepenuhnya.

4.13 Pemberitahuan Perubahan Maklumat

(i) Pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan sebarang perubahan atau pengubahsuaian terhadap fizikal kenderaan berbanding dokumen yang dikemukakan dalam tempoh selewat-lewatnya **14 hari** selepas pengubahsuaian dilakukan secara bertulis (sekiranya berkaitan).

(ii) Permohonan akan dikategorikan sebagai permohonan semula VTA dan kelulusan hanya akan diberikan selepas mesyuarat VTA pada bulan yang berikutnya bersidang bagi kes-kes berikut :

(a) sebarang pindaan maklumat selepas tempoh 14 hari ;

(b) terdapat perubahan pada **Lampiran 11** setelah dokumen ditandatangani.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

4.14 Pemanggilan Semula (*Recall)*

(i) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kelulusan Jawatankuasa *National Committee For Type Approval* (VTA) *and Homologation* berhak untuk memanggil semula kenderaan yang didapati menghadapi masalah teknikal dan ini adalah termasuk kenderaan yang telah melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) dan telah didaftarkan ;

(ii) Semua kos Pemanggilan Semula *(Recall)* adalah ditanggung oleh pihak syarikat ;

(iii) Prosedur Pemanggilan Semula *(Recall)* adalah seperti di **LAMPIRAN 20.**

4.15 *Conformity of Production* (*COP*)

(i) *Conformity of Production* (COP) bagi VTA bertujuan untuk memastikan spesifikasi kenderaan yang dikeluarkan dari kilang adalah sama dengan spesifikasi model kenderaan yang telah lulus VTA. Pemeriksaan semula kenderaan akan dilakukan secara rawak atau berkala sama ada di kilang atau di mana-mana pengedar yang sah yang dilantik oleh pemohon.

(ii) Jika terdapat sebarang perubahan termasuk pemasangan aksesori bagi spesifikasi model kenderaan yang telah lulus VTA, pemohon hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kegagalan pemohon berbuat demikian boleh menyebabkan COP gagal dan tindakan boleh diambil. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah:

(a) Kelulusan VTA ditarik balik
(b) Larangan Pendaftaran Kenderaan
(c) Penalti di bawah Seksyen 12 dan Seksyen 117 APJ 1987

(iii) Kekerapan pelaksanaan COP adalah seperti jadual di bawah:

Jumlah pengeluaran kenderaan / tahun (CKD + SKD + CBU)	**Pelaksanaan *Conformity Of Production* (COP)**
1000 unit dan ke bawah	2 tahun sekali
Melebihi 1000 unit	1 tahun sekali

(iv) Pelaksanaan COP akan berkuatkuasa ke atas setiap model baru atau model sedia ada (CKD + SKD + CBU) kenderaan yang memperolehi Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bermula 01 Januari 2015 ;

(v) Setiap pengeluar perlu mengisytihar jumlah pengeluaran kenderaan / tahun bagi setiap model yang telah mendapat Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) bermula 1 Januari 2015 bagi memudahkan Jabatan ini menjalankan proses COP.

(vi) Carta alir proses COP adalah seperti di **LAMPIRAN 21**.

4.16 *Product Labelling*

(i) *Product Labelling* bertujuan untuk pengenalan identiti model dan memudahkan proses penguatkuasaan. Setiap model kenderaan yang telah memperolehi Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) mempunyai nombor siri sijil VTA. Nombor siri sijil VTA tersebut wajib dipaparkan pada setiap kenderaan yang dikeluarkan bermula 01 Januari 2014 ;

(ii) Plat atau pelekat *(sticker)* hendaklah digunakan bagi tujuan paparan nombor siri sijil VTA tersebut di mana-mana bahagian kenderaan yang dirasakan sesuai dan mudah untuk dilihat. Jika pelekat *(sticker)* digunakan, pelekat *(sticker)* tersebut hendaklah dari jenis *tampered proof* ;

(iii) Contoh *Product Labelling* bagi kenderaan kategori M, N dan O adalah seperti di **LAMPIRAN 22** dan bagi kenderaan kategori L (Motosikal) seperti di **LAMPIRAN 23** ;

(iv) *Product Labelling* telah menjadi item mandatori dalam pemeriksaan PUSPAKOM bermula 01 Julai 2014 (Pemeriksaan Awalan dan Pemeriksaan Khas bagi Kenderaan CBU) ;

(v) Mulai **01 Januari 2017**, pelaksanaan format *Product Labelling* akan mengandungi maklumat-maklumat berikut :

(a) Name of the Manufacturer ;

(b) Vehicle Type Approval (VTA) Number ;

(c) *Vehicle Identification Number* (VIN) / *Chassis Number ;*

(d) Gross Vehicle Weight (GVW) of the vehicle[1] ;*

(e) Gross Combination Weight (GCW), where the vehicle is used for towing[2] ; and*

(f) Axle load rating for each axle, listed in order from front to rear.

[1] *GVW in this case* = Berat Dengan Muatan (BDM)
[2] *GCW in this case* = Berat Gabungan Kasar (BGK)

4.17 VTA Kenderaan *Rebuild*

(i) Senarai piawaian yang wajib dipatuhi oleh pemohon seperti di Schedule I bagi kategori *Rebuild* ;

(ii) Setiap piawaian yang diisytiharkan hendaklah disertakan bersama gambar penandaan pematuhan (E-*marking* / *MS Marking*) ;

(iii) Setiausaha *National Committee For Type Approval* (VTA) *And Homologation* berhak mengarahkan pemohon mengemukakan sebarang dokumen tambahan bagi tujuan kelulusan ;

(iv) Maklumat yang terdapat di dalam dokumen yang dikemukakan hendaklah benar dan tidak bercanggah dengan fizikal kenderaan yang dipohon untuk menjalani proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA). Sekiranya didapati palsu / bercanggah dengan fizikal kenderaan, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak untuk membatalkan permohonan dan mengenakan tindakan kepada pemohon berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

(v) Dokumen-dokumen lain yang perlu dikemukakan ialah :-

(a) Senarai semak permohonan
(b) Surat Rasmi permohonan
(c) Jadual I (Schedule I)
(d) Jadual II (Schedule II)
(e) Salinan AP dari MITI
(f) Borang Kastam *yang terlibat (jika ada)*
(g) Gambar kenderaan (pandangan hadapan, sisi dan belakang)
(h) Gambar E-*marking* komponen terlibat
(i) Lukisan kejuruteraan yang menunjukkan dimensi kenderaan

5. PELAKSANAAN UN DAN KESANNYA KEPADA PERMOHONAN KELULUSAN JENIS KENDERAAN

Sebagai salah sebuah negara anggota *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations* (WP29) yang telah menandatangani Perjanjian 1958 dan Perjanjian 1998, Malaysia telah memberi komitmen untuk mengadaptasi peraturan UN ke dalam peraturan sedia ada iaitu Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan.

Perjanjian 1958 merupakan salah satu perjanjian di bawah WP29 yang mewajibkan proses pensijilan bagi setiap ujian yang dijalankan berdasarkan peraturan UN manakala Perjanjian 1998 pula merupakan salah satu perjanjian di bawah WP29

yang bersifat ‘self-declaration’ bagi setiap pematuhan piawaian *Global Technical Regulation* (GTR).

Di bawah Perjanjian 1958, terdapat 133 peraturan UN yang merangkumi aspek teknikal dan keselamatan kenderaan serta aspek pengawalan pelepasan asap dan bunyi dari kenderaan. Jumlah peraturan ini akan bertambah dari semasa ke semasa bergantung kepada keputusan WP29.

Bagi memudahkan pelaksanaan peraturan ini, Perjanjian 1958 telah dipilih di mana pemohon yang memohon Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) perlu mengemukakan sijil pematuhan peraturan UN dan laporan ujian bagi model kenderaan yang dipohon.

Bagi memastikan proses pelaksanaan peraturan UN dijalankan dengan efisien di Malaysia, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa WP29 (Peringkat Kementerian Pengangkutan), *National Committee for Type Approval* (VTA) *& Homologation* (Peringkat Jabatan Pengangkutan Jalan) dan 6 Jawatankuasa Bertindak (Peringkat Ahli-Ahli Jawatankuasa VTA).



Sehingga kini, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mewartakan 100 peraturan UN dan sebahagian peraturan tersebut meliputi bidang kawalan pelepasan asap dan bunyi dari kenderaan.

Senarai Peraturan UN yang **telah diwartakan dan akan dikuatkuasakan (Sehingga Julai 2017)** iaitu melibatkan **100 Peraturan UN** adalah seperti berikut:

Telah diwartakan dan dikuatkuasakan bermula 01 Januari 2012

1. R3 : *Reflex Reflector*
2. R6 : *Indicator Performance*
3. R7 : *Brake Lamp Performance*
4. R13 : *Braking*
5. R13H : *Braking*
6. R14 : *Safety Belt Anchorages*
7. R15 : *Exhaust Emission (DOE)*
8. R16 : *Safety Belts*
9. R17 : *Seats*
10. R18 : *Protection Against Unauthorized Use*
11. R22 : *Protective Helmet & Visor for Motorcycle & Moped*
12. R24 : *Diesel Smoke (DOE)*
13. R25 : *Head Restraints*
14. R28 : *Audible Warning Devices*
15. R30 : *Pneumatic Tyres (Passenger Vehicle)*
16. R36 : *Construction Of Public Service Vehicles*
17. R39 : *Speedometer*
18. R40 : *Exhaust Emission (Motorcycle)*
19. R41 : *Noise Emission (Motorcycle)*
20. R43 : *Safety Glass*
21. R46 : *Rear View Mirrors*
22. R48 : *Installation Of Lights (for High Intensity Discharge (HID) only)*
23. R49 : *Diesel Emission (DOE)*
24. R50 : *Lights (Motorcycle)*
25. R51 : *Noise Emission*
26. R52 : *Construction Of Small Capacity Public Service Vehicle*
27. R53 : *Installation Of Lights (Motorcycle)*
28. R54 : *Pneumatic Tyres (Commercial Vehicles)*
29. R58 : *Rear Underrun Protection*
30. R62 : *Protection Against Unauthorized Use (Motorcycles)*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

31. R66 : *Strength Of Superstructure (Large Passenger Vehicle)*
32. R69 : *Rear Marking Plates For Slow Moving Vehicles And Their Trailers*
33. R70 : *Rear Marking Plates For Heavy And Long Vehicles*
34. R73 : *Lateral Protection (Goods Vehicle)*
35. R75 : *Pneumatic Tyres (Motorcycle)*
36. R78 : *Braking (Motorcycle)*
37. R79 : *Steering Equipment*
38. R80 : *Seat (Large Passenger Vehicle)*
39. R81 : *Rear View Mirrors (Motorcycle)*
40. R83 : *Gaseous Pollutants*
41. R90 : *Replacement Brake Lining Assemblies*
42. R93 : *Front Underrun Protection*
43. R94 : *Protection Of The Occupants in the Event of a Frontal Collision*
44. R95 : *Protection Of The Occupants in the Event of a Lateral Collision*
45. R97 : *Vehicle Alarm System*
46. R98 : *Gas Discharge Headlamps*
47. R99 : *Gas Discharge Light Sources*
48. R100 : *Battery Electric Vehicles*
49. R104 : *Retro-reflective Markings for Heavy and Long Vehicles*
50. R108 : *Retreaded Pneumatic Tyres (Motor Vehicle)*
51. R109 : *Retreaded Pneumatic Tyres (Commercial Vehicle)*
52. R112 : *Headlamps (Asymmetrical)*
53. R113 : *Headlamps (Symmetrical)*
54. R116 : *Protection Against Unauthorized Use (Technical Prescription)*

Telah diwartakan dan penguatkuasaan bermula 01 Januari 2015

1. R4 : *Rear Registration Plate Lamp*
2. R10 : *Radio Interference Suppression*
3. R11 : *Door Latches and Hinges*
4. R19 : *Front Fog Lamps*
5. R21 : *Interior Fittings*
6. R23 : *Reversing Lamps*
7. R26 : *External Projection*
8. R34 : *Prevention of Fire Risks*
9. R37 : *Filament Lamps*
10. R38 : *Rear Fog Lamps*
11. R44 : *Child Restraint*
12. R45 : *Headlamp Cleaners*
13. R48 : *Installation Of Lights (for other lamps)*
14. R55 : *Mechanical Coupling*
15. R60 : *Driver Operated Control (Motorcycle)*
16. R61 : *External Projection*
17. R64 : *Temporary Spare Tyres*
18. R77 : *Parking Lamps*
19. R89 : *Speed Limitation Device*
20. R91 : *Side-marker Lamps*
21. R101 : *Emission of Carbon Dioxide and Fuel Consumption (Passenger Car)(EEV only)*
22. R117 : *Tyres with regard to rolling sound emission*
23. R119 : *Cornering Lamps*
24. R121 : *Hand Controls, Tell-tales and indications*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

Yang akan diwartakan dan penguatkuasaan bermula 01 Julai 2017

1.	R9 :	*Noise of three-wheeled vehicles*
2.	R12 :	*Steering mechanism*
3.	R27 :	*Advance warning triangles*
4.	R47 :	*Exhaust Emission (Moped)*
5.	R56 :	*Headlamps (Moped)*
6.	R57 :	*Headlamps (Motor Cycle)*
7.	R63 :	*Noise (Moped)*
8.	R65 :	*Special warning lamps*
9.	R72 :	*Halogen Headlamps (HS1 for motorcycles)*
10.	R74 :	*Installation of Light (Moped)*
11.	R76 :	*Headlamps (Moped)*
12.	R82 :	*Halogen Headlamps (HS2 for Moped)*
13.	R85 :	*Measurement of Engine Power*
14.	R87 :	*Daytime Running Light*
15.	R105 :	*Vehicles for the carriage of dangerous goods*
16.	R107 :	*General construction of buses and coaches*
17.	R115 :	*LPG and CNG Retrofit System*
18.	R123 :	*Adaptive front-lighting systems (AFS)*
19.	R125 :	*Forward field of vision of drivers*
20.	R126 :	*Partitioning systems*
21.	R128 :	*Light Emitting Diode (LED) light sources*
22.	R129 :	*Enhanced Child Restraint Systems (ECRS)*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD
KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
P(KA)

Yang akan diwartakan dan penguatkuasaan bermula 01 Januari 2020

1. R29 : *Cabs of commercial vehicles*
2. R31 : *Halogen Sealed Beam Headlamps*
3. R32 : *Rear-end collision*
4. R35 : *Arrangement of Foot controls*
5. R59 : *Replacement silencing systems*
6. R67 : *LPG vehicles*
7. R68 : *Measurement of the maximum speed*
8. R88 : *Retro reflective Tyres (Motor Cycles)*
9. R92 : *Replacement Silencing systems (Motor Cycles)*
10. R102 : *Close Coupling Device (CCD)*
11. R103 : *Replacement pollution control devices*
12. R110 : *CNG and LNG vehicles*
13. R111 : *Rollover Stability (N and O vehicles category)*
14. R114 : *Airbag Module for Replacement*
15. R118 : *Fire resistance of interior materials*
16. R124 : *Replacement wheels for passenger cars*
17. R127 : *Pedestrian Safety*
18. R130 : *Lane Departure Warning System (LDWS)*
19. R131 : *Advanced Emergency Braking Systems (AEBS)*
20. R140 : *ESC Systems*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

Setiap permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) perlu menyertakan salinan sijil pematuhan peraturan UN dan laporan ujian bagi komponen dan sistem yang berkaitan. Permohonan akan dikategorikan sebagai **GAGAL** sekiranya pemohon tidak dapat menyertakan salinan sijil pematuhan dan laporan pengujian tersebut.

6. PELAKSANAAN PENGKOMPUTERAN SEMULA *(REVAMP)* DAN KESANNYA KEPADA PERMOHONAN KELULUSAN JENIS KENDERAAN

Seiring dengan perkembangan semasa Teknologi Maklumat (IT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah beriltizam untuk memberi wajah baru kepada proses kerja Jabatan di mana semua urusan permohonan yang melibatkan Jabatan ini dengan orang awam akan dilakukan secara atas talian (*online*).

Sehubungan itu, proses permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) juga akan dilakukan oleh pemohon secara atas talian (*online*) dengan semua borang permohonan berkaitan telah disediakan. Pemohon perlu mengisi borang tersebut dan melampirkan (*upload)* salinan dokumen seperti salinan sijil pematuhan peraturan UN, laporan ujian dan dokumen lain yang berkaitan.

Kemudahan ini bakal menjimatkan penggunaan kertas di mana sebelum ini permohonan perlu dihantar ke kaunter Bahagian Kejuruteraan Automotif Ibu pejabat dalam dua salinan. Selain itu, ini juga akan menjimatkan masa pemohon yang tidak perlu lagi menghantar dokumen permohonan ke kaunter.

DATO' IR. HJ. MOHAMAD
KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
P(KA)

7. CONTOH SIJIL KELULUSAN JENIS KENDERAAN

7.1 Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (≤ 2014)

No. Siri: XXX/0001/14

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIJIL KELULUSAN JENIS KENDERAAN
(VEHICLE TYPE APPROVAL)

National Committee For Vehicle Type Approval (VTA) And Homologation Bil. 12/2014 bertarikh 23 Disember 2014 meluluskan dan mengesahkan bahawa kenderaan berikut layak didaftarkan mengikut Seksyen 10 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Buatan	:	
Model	:	
Kod Model	:	
Model Tahun	:	2014
Jenis/Prefix Enjin	:	
		8 Cylinder, 4 stroke
Kuasa Enjin	:	3799 cc/ 478 kW
Bahanapi	:	Unleaded Petrol (RON 98)
Tempat Duduk	:	2
Transmisi	:	Automatik, 7 Speed
Jenis Badan	:	Motokar (MKR)
Kategori	:	M_1
Kegunaan	:	Persendirian
Kod Buatan	:	
Negara Pembuat	:	United Kingdom (CBU)
Pemohon	:	

DATO' IR.HJ.MOHAMAD BIN DALIB
Setiausaha *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

DATO' SRI ISMAIL BIN AHMAD
Pengerusi *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

Tarikh : 23 Disember 2014

No. Siri : XXX/0001/14

- 0 = Bagi Kenderaan yang mematuhi peraturan UN yang telah dikuatkuasakan pada 2012
- Jika Model kenderaan masih lagi dikeluarkan atau dijual dan tahun dibuat/Pengeluran adalah 2017 - Perlu Mengemukakan permohonan VTA semula bagi pematuhan peraturan yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2015 atau 2017

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

7.2 Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (≥ 2015)



No. Siri: XXX/1001/15

1 = Bagi Pematuhan ke atas peraturan UN yang dikuatkuasakan 2015

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIJIL KELULUSAN JENIS KENDERAAN
(VEHICLE TYPE APPROVAL)

National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation Bil. 1/2015 bertarikh 4 Januari 2015 meluluskan dan mengesahkan bahawa kenderaan berikut layak didaftarkan mengikut Seksyen 10 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Buatan	:	
Model	:	
Kod Model	:	
Model Tahun	:	2016
Jenis/Prefix Enjin	:	
		3 Cylinder, 4 Stroke
Kuasa Enjin	:	998 cc / 92 kW
Bahanapi	:	Unleaded Petrol (RON 95)
Tempat Duduk	:	5
Transmisi	:	Automatik, 6 Speed
Jenis Badan	:	Motokar (MKR)
Kategori	:	M_1
Kegunaan	:	Persendirian / Perdagangan
Kod Buatan	:	
Negara Pembuat	:	Thailand (CBU)
Pemohon	:	

(_____)
DATO'Ir HJ MOHAMAD BIN DALIB
Setiausaha *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

(_____)
DATO' SRI ISMAIL BIN AHMAD
Pengerusi *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

Tarikh : 4 Januari 2015

No. Siri : XXX/1001/15

- 1 = Bagi Kenderaan yang mematuhi peraturan UN yang telah dikuatkuasakan pada 2015
- Jika Model kenderaan masih lagi dikeluarkan atau dijual dimana tahun dibuat/pengeluran adalah 2020 - Perlu Mengemukakan permohonan VTA semula bagi pematuhan peraturan yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2017 atau 2020

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

7.3 Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (≥ Julai 2017)



No. Siri: XXX/2001/17

2 = Bagi Pematuhan ke atas peraturan UN yang dikuatkuasakan Julai 2017

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIJIL KELULUSAN JENIS KENDERAAN
(VEHICLE TYPE APPROVAL)

National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation Bil. 7/2017 bertarikh Julai 2017 meluluskan dan mengesahkan bahawa kenderaan berikut layak didaftarkan mengikut Seksyen 10 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Buatan	:	
Model	:	
Kod Model	:	
Model Tahun	:	2017
Jenis/Prefix Enjin	:	
		3 Cylinder, 4 Stroke
Kuasa Enjin	:	998 cc / 92 kW
Bahanapi	:	Unleaded Petrol (RON 95)
Tempat Duduk	:	5
Transmisi	:	Automatik, 6 Speed
Jenis Badan	:	Motokar (MKR)
Kategori	:	M_1
Kegunaan	:	Persendirian / Perdagangan
Kod Buatan	:	
Negara Pembuat	:	Thailand (CBU)
Pemohon	:	

(_____)
DATO'Ir HJ MOHAMAD BIN DALIB
Setiausaha *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

(_____)
DATO' SRI NADZRI SIRON
Pengerusi *National Committee For Type Approval (VTA) And Homologation*

Tarikh : XX Julai 2017

No. Siri : XXX/2001/17

- 2 = Bagi Kenderaan yang mematuhi peraturan UN yang telah dikuatkuasakan pada Julai 2017

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

8 Pengelasan Model Baru Kenderaan

Terdapat beberapa perkara yang membezakan diantara kenderaan-kenderaan model baru dan juga model yang telah melalui penambahbaikan (*facelift).* Definisi ini terbahagi kepada 3 komponen iaitu:

i) *Type*
ii) *Variant*
iii) *Version*

8.1 Definisi Model Baru Bagi Kategori L (Motosikal)

Definisi model baru terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu:

8.1.1 'Type' bermaksud sama ada kenderaan atau satu kumpulan kenderaan (*variants*) yang mana:

(i) *Belong to a single category* (two wheel L3, three wheel (tri-cycle) L5 etc.) ;

(ii) *Are constructed by the same manufacturer ;*

(iii) *Have the same chassis, frame, sub-frame, floor pan or structure to which major components are attached ;*

(iv) *Have a power unit with the same principle of operation (internal combustion, electric, hybrid, etc. ; and*

(v) *Have the same type designation given by the manufacturer.*

A type of vehicle may include variants and versions.

8.1.2 *'Variant'* bermaksud sama ada kenderaan atau satu kumpulan kenderaan (*versions*) dari *'type'* yang sama di mana:

(i) They have the same shape of the bodywork (basic characteristics) ;

(ii) Within the group of vehicles (versions) the difference in mass in running order between the lowest value and the highest value does not exceed 20% of the lowest value ;

(iii) Within the group of vehicles (versions) the difference in the maximum permissible mass between the lowest value and the highest value does not exceed 20% of the lowest value ;

(iv) They have the same operating cycle (two or four stroke, spark ignition or compression ignition) ;

(v) Within the group of vehicles (versions) the difference in the cylinder capacity of the power unit (in the case of an internal combustion unit) between the lowest value and the highest value does not exceed 30% of the lowest value ;

(vi) Have the same number and arrangement of cylinders ;

(vii) Within the group of vehicles (versions) the difference in the power output of the power unit between the lowest value and the highest value does not exceed 30% of the lowest value ;

(viii) Have the same operating mode (of electric motors) ; and

(ix) Have the same type of gearbox (manual, automatic, etc.).

8.1.3 'Version' bermaksud kenderaan dari *'type'* dan *'variant'* yang sama tetapi yang mungkin akan menggabungkan mana-mana peralatan, komponen atau sistem dengan syarat bahawa hanya terdapat:

(a) *One value quoted for:*

(i) The mass in running order ;
(ii) The maximum permissible mass ;
(iii) The power output of the power unit ; and
(iv) The cylinder capacity of the power unit.

(b) *One set of test results.*

8.2 Definisi Model Baru Bagi Kategori M1, M2, M3, N1, N2 dan N3.

8.2.1 ***Category M1***

8.2.1.1 <u>*Vehicle type:*</u>

8.2.1.1.1 A *'vehicle type' shall consist of vehicles which have all of the following features in common:*

(a) *The manufacturer's company name.*

A change in the legal form of ownership of the company does not require that a new approval has to be granted;

(b) *the design and assembly of the essential parts of the body structure in the case of a self-supporting body.*

The same shall apply mutatis mutandis to vehicles the bodywork of which is bolted on or welded to a separate frame;

(c) *in the case of multi-stage built vehicles, the manufacturer and the type of the previous stage vehicle.*

DATO' IR. HJ. MOHAMAD KEJURUTERAAN AUTOMOTIF P(KA)

8.2.1.1.2. *By way of derogation from the requirements of point, when the manufacturer uses the floor portion of the body structure as well as the essential constituent elements forming the front part of the body structure located directly in front of the windscreen bay, in the construction of different kinds of bodywork (for example a saloon and a coupe), those vehicles may be considered as belonging to the same type. Evidence thereof shall be provided by the manufacturer.*

8.2.1.1.3. *A type shall consist of at least one variant and one version.*

8.2.1.2. *Variant:*

8.2.1.2.1. *A 'variant' within a vehicle type shall group the vehicles which have all of the following construction features in common:*

(a) the number of lateral doors or the type of bodywork as defined in Section 1 of Part C when the manufacturer uses the criterion of point 1.1.2;

(b) the power plant with regard to the following construction features:

(i) the type of energy supply (internal combustion engine, electric motor or other);

(ii) the working principle (positive ignition, compression ignition or other);

(iii) the number and arrangement of cylinders in the case of internal combustion engine (L4, V6 or other);

(c) the number of axles;

(d) the number, and interconnection of powered axles;

(e) the number of steered axles;

(f) the stage of completion (e.g. complete/incomplete).

8.2.1.3. *Version:*

8.2.1.3.1. *A'version' within a variant shall group the vehicles which have all the following features in common:*

(a) the technically permissible maximum laden mass;

(b) the engine capacity in the case of internal combustion engine;

(c) the maximum engine power output or the maximum continuous rated power (electric motor);

(d) the nature of the fuel (petrol, gas oil, LPG, bi-fuel or other);

(e) the maximum number of seating positions;

(f) drive-by sound level;

(g) exhaust emission level (for example Euro 5, Euro 6 or other);

(h) combined or weighted, combined CO2 emissions;

(i) electric energy consumption (weighted, combined);

(j) combined or weighted, combined fuel consumption;

8.2.2. *Categories M 2 and M 3*

8.2.2.1. *Vehicle type:*

8.2.2.1.1. *A 'vehicle type' shall consist of vehicles which have all of the following features in common:*

(a) the manufacturer's company name. A change in the legal form of ownership of the company does not require that a new approval has to be granted;

(b) the category;

(c) the following aspects of construction and design:

(i) the design and construction of the essential constituent elements

(ii) the design and construction of the essential constituent elements forming the body structure in the case of a self-supporting body;

(d) the number of decks (single or double);

(e) the number of sections (rigid/articulated);

(f) the number of axles;

(g) the mode of energy supply (on-board or off-board);

(h) in the case of multi-stage built vehicles, the manufacturer and the type of the previous stage vehicle.

8.2.2.1.2. *A type shall consist of at least one variant and one version.*

8.2.2.2. Variant:

8.2.2.2.1. *A 'variant' within a vehicle type shall group the vehicles which have all of the following construction features in common:*

(a) the type of bodywork ;

(b) the class or combination of classes of vehicles ;

(c) the stage of completion (e.g. complete / incomplete / completed);

(d) the power plant with regard to the following construction features:

(i) the type of energy supply (internal combustion engine, electric motor or other);

(ii) the working principle (positive ignition, compression ignition or other);

(iii) the number and arrangement of cylinders in the case of internal combustion engine (L6, V8 or other).

8.2.2.3. *Version:*

8.2.2.3.1. *A 'version' within a variant shall group the vehicles which have all the following features in common:*

(a) the technically permissible maximum laden mass;

(b) the ability of the vehicle to tow a trailer or not;

(c) the engine capacity in the case of internal combustion engine;

(d) the maximum engine power output or the maximum continuous rated power (electric motor);

(e) the nature of the fuel (petrol, gas oil, LPG, bi-fuel or other);

(f) drive-by sound level;

(g) exhaust emission level (for example Euro III, Euro IV or other).

8.2. 3 Category N 1

8.2.3.1. *Vehicle type:*

8.2.3.1.1. *A 'vehicle type' shall consist of vehicles which have all of the following features in common:*

(a) the manufacturer's company name.
A change in the legal form of ownership of the company does not require that a new approval has to be granted;

(b) the design and assembly of the essential parts of the body structure in the case of a self-supporting body;

(c) the design and the construction of the essential constituent elements forming the chassis in the case of a non self-supporting body;

(d) in the case of multi-stage built vehicles, the manufacturer and the type of the previous stage vehicle.

8.2.3.1.2. *By way of derogation from the requirements of point 3.1.1(b), when the manufacturer uses the floor portion of the body structure as well the essential constituent elements forming the front part of the body structure located directly in front of the windscreen bay, in the construction of different kinds of bodywork (for example a van and a chassis-cab, different wheelbases and different roof heights), those vehicles may be considered as belonging to the same type. Evidence thereof shall be provided by the manufacturer.*

8.2.3.1.3. *A type shall consist of at least one variant and one version.*

8.2.3.2. Variant:

8.2.3.2.1. *A 'variant' within a vehicle type shall group the vehicles which have all of the following construction features in common:*

(a) the number of lateral doors or the type of bodywork ;

(b) the stage of completion (e.g. complete/incomplete/completed);

